

Mesyuarat Pemimpin APEC ke-30

Raih pelaburan RM63.02b di AS

Anwar tekankan lebih utamakan pemindahan teknologi, latihan

San Francisco: Malaysia meraih pelaburan RM63.02 bilion bagi cadangan pelaburan di Amerika Syarikat (AS) terutama daripada syarikat gergasi teknologi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Daripada jumlah itu, pelaburan RM8.33 bilion hadir melalui misi perdagangan dan pelaburan ke AS yang dianjurkan sebelum bermulanya mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), manakala selebihnya daripada mesyuarat satu dengan satu yang diadakan Anwar di sini.

Pelaburan bagi misi perdagangan ini adalah daripada Abbott Laboratories, Mondelez Interna-

tional, Amsted Rail, Hematogenix, PerkinElmer, Ford Motor Company, Boeing, Amazon Web Services, Enovix dan Lam Research.

“(Pelaburan) selebihnya sudah diraih daripada pertemuan berasingan dengan gergasi teknologi seperti Google, Enovix Corporation, Microsoft, TikTok dan TPG,” katanya kepada media Malaysia pada akhir lawatannya ke AS semalam.

Perdana Menteri diiringi isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Luar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, dengan ketibaan anggota delegasi disambut Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Duta Besar Malaysia ke AS, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Konsul Jeneral Malaysia di Los Angeles, Anil Fahriza Adnan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika mengulas lanjut menyifatkan pelaburan TikTok sebagai agak besar dan ia turut bergantung kepada tempoh panas Malaysia dalam meluluskan

semua pelaburan berkenaan.

“Dalam mempertimbang apa juga ruang kelulusan dan insentif diperlukan, saya lebih menekankan soal pemindahan teknologi dan latihan.

“Ini supaya kita ada tahap keupayaan dalam bidang diterokai yang lebih canggih dan mencahar,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga aktif dalam menarik kehadiran kalangan penggiat kenderaan elektrik (EV) termasuk syarikat terkemuka seperti Tesla.

“Ya, beliau (Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Elon Musk) positif mengenai kehadiran Tesla di Malaysia,” katanya ketika ditanya mengenai panggilan video beliau bersama Musk.

Malah, Anwar turut mengangap kehadiran Tesla di Malaysia sebagai satu petunjuk baik terhadap negara ini, selain memberi manfaat dari segi pertambahan jumlah Stesen Pengecas Super bagi kenderaan EV

Pendirian Malaysia mengenai kepentingan usaha menarik pelaburan ini turut disuarakan Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Ekseku-

tif APEC 2023, khususnya berkaitan aspek dasar pelaburan yang jelas dan konsisten.

“Pelaksanaan dasar dan strategi ini yang memainkan peranan dalam menarik pelaburan ke dalam negara.

“Keperluan mewujudkan kemudahan pusat sehenti mengenai pelaburan adalah penting, namun agensi sehenti ini juga perlu lebih proaktif dalam memudahkan cara dan mempercepat proses serta prosedur pelaksanaan berkaitan pelaburan,” katanya.

Pendirian berkecuali

Merujuk isu konflik AS dan China, Anwar menegaskan Malaysia akan sentiasa mengamalkan pendirian berkecuali berikutan kedudukan kedua-dua negara berkenaan sebagai rakan dagang penting untuk negara ini.

“Saya menegaskan bahawa Malaysia dan negara ASEAN secara umumnya tidak harus diheret dan terbabit dalam perang dingin antara kuasa besar dunia,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengakui gembira kerana berpeluang untuk menyatakan

pandangan dan kedudukan Malaysia, selain dapat terbabit menerusi perbincangan secara erat untuk mendapatkan pemahaman dan kerjasama.

Perdana Menteri turut menyertai Majlis Pemimpin-Pemimpin Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik Bagi Kemakmuran (IPEF) yang dihoskan Presiden AS, Joe Biden pada Khamis lalu.

Majlis itu sebagai mengiktiraf kejayaan menteri-menteri IPEF menandatangani Perjanjian Teras 2 (Rantaian Bekalan) pada 14 November lalu.

Anwar berkata, kalangan pemimpin negara anggota IPEF turut mengambil maklum bahawa rundingan Teras 3 (Ekonomi Lestari) dan Teras 4 (Ekonomi Saksama) dimuktamadkan secara substantif, manakala rundingan Teras 1 (Perdagangan) mencapai kemajuan yang baik.

“Secara keseluruhannya, Malaysia mengalu-alukan kemajuan itu dan akan terus bekerjasama dengan semua negara-negara IPEF bagi memuktamadkan rundingan Teras 1 untuk manfaat rantau IPEF secara kolektif,” katanya.